

10/09/2003

ProJET WIM bukti `wanita boleh`

Noor Jaafar

DARIPADA pasukan pemandu wanita yang dianggap cuma mencari glamour, kini Team ProJET Women In Motorsport (ProJET WIM) membuktikan kemampuan sebenarnya apabila menduduki tempat ke-9 daripada 24 kereta yang sekelasnya pada perlumbaan lasak Merdeka Millennium Endurance (MME) 2003, di Litar Antarabangsa Sepang, 30 Ogos lalu.

Team itu bukan setakat menamatkan perlumbaan, malah menduduki tempat ke-38 daripada 77 penyertaan. Kejayaan Team ProJET WIM dengan pemandunya, Phillipa Yoong, Deanna Yusoff dan Maznah Zulkifli serta Maya Karin selaku pemandu simpanan adalah hasil sokongan padu serta sumbangan penaja utama X-1R, penaja bersama Proton Edar, BeYoung, Telawi Street Bistro, Morac, Ozmosis dan Conoco, di samping kepakaran mekanikal CIRT.

Pengurus pasukan, Shazlifa Arbee, berkata penyertaan Team ProJET WIM tahun ini adalah pencetus minat pemandu wanita lain dalam perlumbaan lasak yang sebelum hanya dimonopoli pemandu lelaki.

"Penyertaan pasukan itu tidak dianggap mudah kerana ia memerlukan kesungguhan serta sokongan padu pengurusan, AMN Motorsport, menyediakan latihan.

Maznah, 29, pengacara rancangan baru TV3, sukan X-treme, berkata, beliau puas hati dengan pencapaian pasukan dan diharap boleh menarik minat wanita lain.

Team ProJET WIM adalah satu-satunya pasukan wanita yang layak bagi kelas B (kategori 1600cc - 1800cc) yang menggunakan kereta Proton Satria GTi.

Shazlifa berkata, sebelum ini beliau memang sedih apabila ramai memandangi enteng penyertaan pasukan itu kerana dibarisi selebriti terkenal, tetapi sekarang mereka mula menerima hakikat.

"Selepas sekarang baru ramai yang kagum dengan kemampuan pasukan wanita sedangkan sebelum ini mereka memperlekehkannya," kata Deanna.

Malah ada pasukan lain yang menawarkan pemandu berkenaan menyertai pasukan mereka tahun depan.

Perlumbaan MME selama 12 jam yang dikendalikan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Phillipa menganggap penyertaan pertamanya memberikan beliau pengalaman paling berharga, terutama apabila bersaing dengan abang sendiri, Alex Yoong.

Dalam perlumbaan itu, permulaannya pasukan menghadapi sedikit kesukaran apabila kereta dilanggar kereta lain menyebabkan mengalami sedikit kerosakan sekali gus ketinggalan kerana terpaksa membaikinya.

Bagaimanapun mereka berjaya menamatkan perlumbaan sebanyak 226 pusingan itu.

Maya, 22, terpaksa menjadi pemandu simpanan kerana dia sibuk dengan penggambaran filem `Pontianak Harum Sedap Malam`.

Hafizy Hafiz yang bertanggungjawab membentuk pasukan itu juga tidak menyangka pencapaian team ProJET WIM menduduki tempat ke-9 daripada 24 kereta yang sekelasnya.